

Operasi Daulat untuk

Kronologi serangan Ops Daulat di Kampung Tanduo semalam

7 pagi - Pasukan keselamatan daripada PDRM dan ATM mula melancarkan serangan ke atas Kampung Tanduo dengan dimulakan serangan udara

7.30 pagi - Tiga pesawat TUDM, F/A-18D Hornet dan lima pesawat Hawk 208 kelihatan di udara melancarkan serangan

7.45 pagi - Beberapa penduduk di Kampung Labian dan Sungai Merah terdengar tiga letupan dari kawasan Kampung Tanduo

8.00 pagi - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan mesti mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menjaga maruah dan kedaulatan negara sebagaimana yang dituntut rakyat mehandangkan usaha kerajaan mengelakkan pertumpahan darah di Lahad Datu tidak berjaya

Pengamal media yang berpusat di Felda Residents Resort, kira-kira 20 kilometer dari Kampung Tanduo turut terdengar bunyi letupan

Jabatan Penerangan membuat pengumuman menggunakan pembesar suara di pekan Kencana Desa bagi memaklumkan agar penduduk terus berada di rumah

8.05 pagi - Penduduk beberapa kampung berhampiran mula meninggalkan rumah masing-masing

9.00 pagi - Lima buah kenderaan ambulans dari Hospital Lahad Datu bergerak ke Kampung Tanduo

9.30 pagi - Sebuah lagi kenderaan ambulans tiba di Kampung Tanduo

10.00 pagi - Beberapa buah helikopter kelihatan di ruang udara Felda Residents

11.00 pagi - Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar mengesahkan operasi serangan tersebut dan membesarkan bunyi letupan yang terdengar

Wartawan Kosmo! di Lahad Datu




Laporan **MUSTAFA LAKAWA** dan **MOHD YUNUS YAKKUB**
di Lahad Datu
019-2770
AZRUL EDHAM MOHD AMIHUDDIN

Wartawan Kosmo! di Tawau



Laporan **FIRDAUS HASSAN**
di Tawau
019-2770
AMIR HAFIZ



Info Lima tempat penganas berkubu

A Kampung Tanduo, Lahad Datu

Aduan: 150 penganas Sultan Sulu lengkap bersenjata menawan Kampung Tanduo sejak 12 Februari lalu.

Tindakan: Serangan besar-besaran oleh polis dan tentera pada 5 Mac. Dua anggota polis terbunuh pada 1 Mac lalu dan 12 mayat penganas ditemui hasil serangan semalam.

B Kampung Tanjung Batu di Tanjung Labian

Aduan: Penduduk mendakwa seramai 40 orang menceroboh kampung tersebut pada 4 Mac.

Tindakan: Pasukan polis dan askar membuat kepungan.

C Kampung Seri Jaya, Simunul, Semporna

Aduan: Sekumpulan penganas bersenjata bersembunyi di kampung terbabit.

Tindakan: Serangan hendap ke atas pasukan keselamatan yang datang memeriksa mengakibatkan enam anggota polis dan enam penganas maut.

D Kampung Sinalang Lama, Semporna

Aduan: Seorang penganas bersenjata api menawan 40 orang penduduk kampung.

Tindakan: Sekumpulan 20 orang penduduk kampung bertindak membelasah penganas itu sampai mati.

mengesahkan operasi serangan tersebut dan memberitahu tiada kematian di pihak pasukan keselamatan.

Pasukan keselamatan memasuki Kampung Tanduo dan membuat operasi pengeledahan dan pencarian di kawasan yang diceroboh musuh.

12.30 tengah hari - Najib mengeluarkan kenyataan dalam Twitter berbunyi "Alhamdulillah, saya dimaklumkan operasi berjalan seperti dirancangan. Sedang melakukan operasi memberkas dari rumah ke rumah. #PrayForSabah."

2.00 petang - Menteri Pertahanan dan Menteri Dalam Negeri mengadakan sidang akhbar di Felda Residents Resort.

4.00 petang - Ismail memberi taklimat kepada media dan mengesahkan tiada kematian anggota keselamatan.

ANGGOTA polis berkawal di pos kawalan di hadapan Kolej Integrasi Ilmu berhampiran Kampung Tanduo, Lahad Datu semalam.

KANAN: Pasukan keselamatan bersiap sedia untuk menembak penceroboh yang telah membuat onar di Kampung Tanduo.




E

Kampung Lormalong dan Kampung Dasar Lama, Kunak

Aduan: Sekumpulan lelaki termasuk tiga bersenjata dikesan berada di kawasan kampung tersebut.

Tindakan: Kawalan keselamatan oleh pasukan keselamatan diperketat.



ANGGOTA keselamatan bersiap sedia untuk melepaskan tembakan jika ternampak musuh.



KIRI: Seorang anggota tentera berjaga-jaga di kawasan kebun kelapa sawit.



ANGGOTA tentera menaiki kereta perisai keluar dari Kampung Tanduo selepas melaksanakan misi menggempur penganas Sultan Sulu.

Jamin keselamatan Malaysia

Serangan ATM, Polis selamatkan Kampung Tanduo



Lima kawasan sasaran pengganas Sultan Sulu



1. Tiga pesawat TUDM F/A-18D Hornet dan lima Hawk 208 melancarkan serangan udara di Kampung Tanduo, Lahad Datu bermula pukul 7 pagi semalam.

2. Pasukan keselamatan memasuki Kampung Tanduo bersama kenderaan perisai Condor untuk operasi penggeledahan di kubu musuh di kawasan seluas empat kilometer persegi.



PESURUHJAYA Polis Sarawak, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani (tengah) memberi kata-kata semangat kepada anggota 1 Batalion PGA Sarawak yang akan ditugaskan di Lahad Datu semalam.



PENDUDUK berkumpul di Dewan Embara Budi Felda Sahabat selepas serangan dilancarkan.



KANAN: Sebahagian penduduk Kampung Tanduo yang enggan pulang ke rumah walaupun pasukan keselamatan sudah membenarkan mereka berbuat demikian.

KIRI: Sebuah kenderaan membawa pasukan keselamatan keluar dari Kampung Tanduo selepas bertempur.

Kronologi pencerobohan pengganas Sultan Sulu di Lahad Datu

12 Februari - Sekumpulan lelaki berpakaian ala tentera dan dipercayai bersenjata yang menaiki bot pancung mendarat di pesisiran pantai Lahad Datu.

14 Februari - Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, polis mengenal pasti kumpulan rakyat Filipina yang mendarat di pesisir pantai Lahad Datu, Sabah sebagai pewaris berketurunan Raja Sulu dari selatan Filipina.

14 Februari - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan Malaysia akan melakukan yang terbaik termasuk melalui rundingan bagi menangani isu pencerobohan itu sebelum mengusir mereka keluar dari kawasan berkenaan.

16 Februari - Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengesahkan kumpulan terbabit bukan kumpulan militan atau pengganas sebaliknya penyokong kuat Kesultanan Sulu dan menegaskan situasi di Kampung Tanduo adalah terkawal.

18 Februari - Hishammuddin berkata, kerajaan Malaysia dan Filipina sentiasa bekerja rapat dalam menyelesaikan konflik ini dan memberitahu ia akan dilakukan secara diplomasi tanpa pertumpahan darah.

24 Februari - Kerajaan Filipina menghantar sebuah kapal dalam misi kemanusiaan untuk membawa pulang kumpulan 180 anggota termasuk 30 pengawal bersenjata di Lahad Datu.

26 Februari - Tempoh pengusiran mereka tamat namun rundingan masih dijalankan dengan kumpulan penceroboh itu.

28 Februari - Kerajaan Malaysia digesa mengadakan rundingan secara terus dengan Sultan Jamalul Kiram III di Manila untuk menamatkan konflik perebutan kawasan di Lahad Datu yang berlanjutan selama lebih tiga minggu.

1 Mac - Dua anggota polis, Asisten Superintendan Zulkifli Mamat dan Sarjan Sabarudin Daud terkorban manakala 12 anggota kumpulan penceroboh terbunuh dalam pertempuran antara kumpulan itu dengan pasukan keselamatan di Kampung Tanduo.

2 Mac - Enam anggota polis terkorban dalam serangan hendap di perkampungan air Kampung Sri Jaya, Simunul, Semporna. Kejadian pada pukul 8 malam itu juga menyebabkan enam anggota pengganas terbunuh.

3 Mac - Mayat enam anggota polis dikeluarkan dari kawasan perkampungan air itu dan polis turut mengeluarkan 19 anggota polis dengan selamat dari kampung itu.

4 Mac - Setiausaha Rendah Luar Filipina Jose Brillantes dan Duta Besar Filipina ke Malaysia J. Eduardo Malaya dilapor bertemu Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein untuk mencari resolusi damai.

4 Mac - Setiausaha Rendah Luar Filipina Jose Brillantes dan Duta Besar Filipina ke Malaysia J. Eduardo Malaya dilapor bertemu Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein untuk mencari resolusi damai.

4 Mac - Ismail menegaskan keadaan keselamatan di Kunak, Sandakan dan Semporna di Sabah adalah terkawal.

4 Mac - Polis mengeluarkan senarai nama enam pegawai dan anggota yang terkorban dalam serangan hendap di Semporna.

5 Mac - Pasukan keselamatan melancarkan serangan menggunakan jet pejuang F18 dan Hawk ke atas pengganas bersenjata di Kampung Tanduo diikuti tindakan susulan dan penggeledahan oleh pasukan tentera dan polis di kawasan kampung itu.

